

# UPM hampiri gelaran juara SukIPT 2018

**KUALA LUMPUR 9 Feb.** - Universiti Putra Malaysia (UPM) kini berada di landasan terbaik untuk muncul juara keseluruhan Sukan Institusi Pengajian Tinggi (SukIPT) 2018 yang akan berakhir esok.

Edisi keempat temasya yang berlangsung di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi itu menyaksikan juara SukIPT pertama itu kini mendahului pencabar ter-



dekat Universiti Teknologi Mara (UiTM), yang merupakan juara edisi kedua dan ketiga, dengan perbezaan tiga pingat emas.

Ketua kontinjen yang juga Ketua Pusat Sukan UPM, Dr. Hanafiah Ayub berkata beliau yakin atlet-atletnya mampu muncul juara keseluruhan tahun ini.

"Kami optimis UPM mampu untuk muncul juara kali ini. Kami masih mampu untuk mengutip

pingat emas daripada acara yang tidak disandarkan emas, walaupun (sebelum ini) terlepas beberapa prospek emas.

"Ini membuktikan bahawa atlet kami secara keseluruhan mampu untuk bersaing dengan atlet hadalan yang lain, hasil daripada program-program yang dijalankan oleh Pusat Sukan," katanya ketika ditanya tentang sasaran UPM untuk temasya kali ini.

Sumbangan terbesar emas UPM

datang daripada olahraga yang setakat ini telah merangkul 11 pingat emas, diikuti dengan memanah dan renang yang masing-masing menyumbang enam manakala menembak meraih tiga.

Pingat emas laju hadir dari gelanggang taekwondo dan karate yang menyumbang dua emas manakala masing-masing satu menerusi boling, boling padang, sepak takraw, bola tampar, bola tampar pantai, lawan pedang, hoki dan pingpong.



**MOHD. ROSLAN SULAIMAN** (baju ungu) bersama atlet olahraga UPM dan pegawai pasukan yang bersaing dalam SukIPT 2018 di UKM, Bangi, semalam.